

07/02/2003

Persetujuan Singapura tanpa langsung mahu bertolak ansur

SIDANG akhbar bersama Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar dan rakan sejawatannya dari Singapura, Prof S Jayakumar, yang berlangsung selama kira-kira 40 minit di Wisma Putra, Putrajaya semalam bertukar sediti tegang apabila kedua-dua pemimpin saling berbalas hujah berhubung pelbagai

isu yang membabitkan kedua-dua negara.

Berikut adalah terjemahan transkrip sidang media yang diadakan selepas majlis menandatangani perjanjian khas untuk merujuk isu tuntutan bertindih

Pulau Batu Putih ke Mahkamah Dunia.

SYED HAMID: Dengan menandatangani perjanjian khas ini, bermakna kita perlu

mendapatkan pengesahan dari kedua-dua kerajaan sebelum dokumen berkaitan diserahkan kepada Mahkamah Keadilan Antarabangsa (Mahkamah Dunia), yang mana mahkamah itu akan menetapkan satu tarikh bagi kes ini diputuskan. Jadi kita gembira yang akhirnya kita sudah mencapai tahap ini dan kita harap dengan menandatangani, kedudukan dan hak kita lebih jelas dan pertikaian berkaitan ditentukan mahkamah antarabangsa.

JAYAKUMAR: Pertama sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan sejawatan saya, Syed Hamid, kerana menjemput saya dan membuat segala

persiapan bagi majlis menandatangani perjanjian ini. Saya setuju dengannya

bahawa majlis ini adalah peristiwa penting. Ia telah mengambil masa yang sangat lama. Pada 1989, Singapura mencadangkan supaya pertikaian ini diputuskan Mahkamah Dunia. Kemudian pada 1994, Malaysia bersetuju dan pada

1998, pihak pegawai kedua-dua negara menandatangani draf perjanjian.

Hari

ini, kita sudah pun menandatangani.

Sebagaimana Syed Hamid berkata langkah seterusnya adalah untuk mendapatkan pengesahan dan kami berdua bersetuju yang kita patut melakukannya dengan cepat bagi membolehkan proses (perundangan) dapat bermula. Pada pandangan saya, ia melambangkan Malaysia dan Singapura sudah

bersetuju untuk menyelesaikan pertikaian berkenaan dengan mesra, kaedah aman dari pihak ketiga.

Ini adalah pendekatan penting yang mana saya rasakan ia dapat membuka kepada penyelesaian selain Pedra Branca. Saya rasa kita memberi petanda kepada rakyat kita dan dunia bahawa Malaysia dan Singapura mengambil pendekatan sebegini apabila kita mempunyai pertikaian. Saya harap ini adalah cara kita menyelesaikan pertikaian lain (antara kedua-dua negara).

Kita mempunyai jalan buntu dalam isu air, kita telah melalui beberapa rundingan... jika kita menemui jalan buntu.

Pendekatan Pedra Branca melambangkan cara untuk menyelesaikan masalah melalui pihak timbang tara antarabangsa (mengikut Perjanjian Air). Saya

rasa adalah penting untuk menyatakan yang Malaysia dan Singapura mempunyai potensi besar dalam beberapa bidang kerjasama, yang lebih besar kepentingannya daripada perkara yang menjadi pertikaian kedua-dua negara.

Apabila kita mempunyai isu perbalahan, kita tidak patut membenarkannya menjejaskan hubungan dua hala kita. Hubungan secara keseluruhan di antara kedua-dua negara tidak boleh dikongkong kepada satu isu, jika kita tidak dapat menyelesaikan satu-satu isu hari ini. Peristiwa yang berlaku menunjukkan langkah ke hadapan selaras dengan peruntukan undang-undang dan perjanjian. Bukannya dengan tindakan jahat yang tidak selaras dengan amalan serta undang-undang antarabangsa. Jadi, saya lihat hari ini, ia bukan saja dalam konteks Pedra Branca tetapi dalam konteks yang lebih besar.

WARTAWAN: Apa komen Singapura apabila Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri

Dr Mahathir Mohamad, menyatakan tindakan republik itu menerbitkan 19 surat

kedua-dua pemimpin, sebagai satu tindakan 'kambing hitam' dan hanya ingin

mengalihkan pandangan rakyat daripada masalah ekonomi Singapura?

JAYAKUMAR: Tidak, sesiapa yang tahu Singapura dan kerajaannya akan tahu yang kita tidak perlu mengalihkan pandangan bagi masalah ekonomi negara dan kita tidak perlu sebarang 'kambing hitam' untuk menghadapi apa juga masalah yang kita hadapi. Kita tahu, kerajaan Singapura tidak menyelak isu

yang kita hadapi dengan rakyat kita mengenai masalah yang kita hadapi, sama ada mengenai masalah ekonomi atau kelembapan ekonomi atau kegawatan atau sama ada berkaitan masalah keselamatan kita seperti penahanan Jemaah

Islamiah (JI).

Kita hadapinya, kita bentangkan fakta, kita terbitkan kertas putih mengenai kes JI dan kita bincangkannya secara mendalam di Parlimen. Terdapat keterbukaan dan ketelusan dengan rakyat kita. Sebagai isu ekonomi, kita ada pemulihan ekonomi, jadi kita tidak perlu mencari 'kambing hitam' atau mengalihkan pandangan dan saya percaya yang anda sudah baca laporan Political and Economic Risk Consultancy January Survey.

Saya petik laporan itu: "Kerajaan Singapura mempunyai polisi ekonomi berhemah, ia sedia berbanding kerajaan negara Asia lain, untuk menimbulkan

masalah seperti ekstremis Islam, kekurangan produktiviti dan kelemahan persaingan untuk penelitian orang ramai. Ia tidak segan dalam menjalankan

keputusan polisi yang ada di sini bagi kepentingan jangka panjang walaupun

sekiranya ia memberi reaksi negatif daripada orang ramai dalam jangka masa

pendek." Ini cara kerajaan Singapura. Terima kasih.

WARTAWAN: Terkeluar dari norma diplomatik, anda (Singapura) menerbitkan perbincangan antara kedua-dua pemimpin, yang mana dapat digambarkan sebagai kurang keikhlasan bagi pihak Singapura. Apa komen anda? Dan

soalan

kedua ialah, anda sudah menandatangani Perjanjian Khas hari ini, adakah anda juga akan menerbitkan Perjanjian Khas ini kepada rakyat anda?

JAYAKUMAR: Pertama sekali biar saya jawab soalan kedua anda. Saya tidak tahu (pendirian) Syed Hamid tetapi saya tidak ada masalah sekiranya pihak

media mahu teks perjanjian ini. Kita sudah tandatanganinya tetapi saya perlu mendapatkan persetujuan Syed Hamid terlebih dulu.

Saya tak ada masalah untuk menerbitkan teks perjanjian khas yang kita tandatangani ini. Ia terpulang kepada pengesahan dan perjalanan prosesnya.

Bagi soalan pertama anda, jawapan saya sudah diberi dalam kenyataan Parlimen saya (sebelum ini). Jika media di sini sudah membaca kenyataan Parlimen saya, anda akan tahu sebab yang saya telah berikan. Saya kesal kenyataan saya dan dokumen berkenaan tidak diterbitkan di media di sini. Soalan ini tidak perlu kerana, sebab kita terpaksa menerbitkan dokumen berkenaan adalah kerana sejak beberapa bulan lalu, kita hanya menerima pelbagai tuduhan dan dakwaan mengenai kedudukan kita dalam pakej rundingan

mengenai air. Tidak benar jika kata kita tidak bertolak ansur atau pihak yang patut dituduh. Bukan itu saja, dakwaan lain yang dibuat, iaitu perjanjian air ditetapkan semasa zaman penjajah British dan ini tidak benar. Saya kata perjanjian berkenaan dibuat Malaysia dan Singapura. Selain itu, isu lama dikeluarkan semula selepas 10 tahun. Jadi, kita bertanggungjawab kepada perkara ini dan kita perlu menjelaskan rekod atau

fakta. Untuk itu, kita melakukannya dengan membentangkan bukti dan dokumen

yang dapat menerangkan dengan sendiri. Sekarang, saya berasa sukar dan ramai yang memberitahu saya yang mereka berasakan perkara ini sukar. Apabila tuduhan dilemparkan kepada kita, ia seolah-olah tidak mengapa dan

dikatakan dibuat dengan niat jahat tetapi apabila Singapura membentangkan

fakta, ia dianggap sebagai niat jahat. Macam mana ni? Jadi jika anda dapat

menjawab perkara ini, saya rasa anda boleh memberi sumbangan kepada persefahaman dalam hubungan Malaysia dan Singapura.

SYED HAMID: Pertama sekali, Malaysia berasakan penerbitan apa juga dokumen

kepada orang ramai tidak menjadi masalah tetapi mesti berdasarkan kepada apa juga peraturan yang kita perlu ikut. Jika ia dirasakan perlu untuk diterbitkan, kita tak ada masalah bila Jayakumar mahu kebenaran kita untuk

terbitkannya (perjanjian khas). Persoalan kedua mengenai penerbitan surat,

saya rasa Jayakumar mungkin tahu yang kita menganggap dalam sebarang rundingan, semuanya perlu dibuat secara peribadi dan rahsia. Ini

pendirian

Malaysia selama ini. Dalam rundingan, kita juga percaya yang kedudukan (rundingan) akan selalu berubah. Tetapi dengan menerbitkan beberapa surat,

ia telah memberi salah tafsir kepada banyak perkara dalam rundingan antara

kita. Saya rasa setiap rundingan dibuat atas asas kepercayaan dan kerjasama.

Kita tidak pernah membentangkan kes kita selama ini, terutama mengenai hubungan antara Malaysia dan Singapura, kepada media dan saya rasa, dengan

menggunakan laporan media atau surat yang bukan pendirian terkini setiap pihak, ia memberi kesukaran kepada penyelesaian hubungan antara kedua-dua

negara. Sebagaimana yang kita lakukan hari ini, berkaitan Pulau Batu Putih... saya menyambut baik kenyataan Jayakumar bahawa Pedra Branca perlu

dijadikan cara bagaimana kita melihat masalah atau menanganinya. Saya rasa, saya tidak akan bercakap benar mengenai ketelusan jika saya kata yang kita mengambil tindakan penerbitan surat berkenaan sebagai satu tindakan yang betul kerana dalam kes ini, hanya satu masa yang saya ingat

surat diterbitkan oleh Singapura untuk mendapat sokongan mengenai pendiriannya, iaitu dalam kes Devan Nair. Ini perkara lama... surat peribadi diterbitkan dan saya rasa, ini tidak menghasilkan suasana yang baik. Saya rasa antara Malaysia dan Singapura, terdapat hubungan yang lebih erat.

Saya setuju dengan kenyataan Jayakumar bahawa hubungan kita perlu dilihat selain daripada Pedra Branca. Ia perlu dilihat kepada aspek penyelesaian yang memuaskan kedua-dua pihak. Dalam kes harga air, saya rasa hari ini kita sudah datang dengan semangat kerjasama yang baik, saya

tidak mahu berdebat dengan Jayakumar mengenai perkara ini tetapi kita mempunyai pendirian kita. Pendirian kita jelas. Kita tidak perlu mencari kesalahan sesiapa. Apabila kita mengatakan yang sesetengah perkara perlu dibuat dengan caranya, ini kerana kita percaya yang perkara itu perlu dilakukan sedemikian. Saya rasa, adalah penting bagi Malaysia untuk meluahkan pandangan dan cara kita melihat sesuatu perkara. Dengan cara ini, kita berharap agar kita dapat meningkatkan lagi hubungan yang lebih erat dan sensitif antara satu sama lain. Ini yang akan membuat kita maju ke hadapan.

JAYAKUMAR: Saya bersetuju dengan rakan saya. Saya tetamu negara ini dan tetamu kepada rakan saya, Syed Hamid. Saya tidak mahu adakan pertandingan

bertumbuk. Beliau adalah Menteri Luar dan semestinya akan mempertahankan kepentingan Malaysia. Saya adalah Menteri Luar Singapura dan saya akan mempertahankan negara saya. Seperkara lagi yang saya ingin tekankan mengenai penerbitan surat itu ialah ya... benar rundingan adalah rundingan. Ia mungkin memberi kedudukan berbeza tetapi kunci utamanya ialah, jika kita dituduh mengenai sesuatu pendirian yang tidak benar dan fakta yang salah, kita akan membetulkan fakta berkenaan.

WARTAWAN: Pertikaian mengenai ketiga-tiga pulau terbabit kini sudah dipersetujui untuk pembentangan di Mahkamah Dunia. Adakah rakyat Malaysia

boleh pergi ke pulau berkenaan atau perairan berdekatnya. Adakah mereka

yang melalui kawasan ini akan dihalau keluar? Apakah pendirian anda (Singapura) sekarang?

JAYAKUMAR: Pendirian kita kini tidak berubah daripada pendirian kita sebelum ini, iaitu status quo ditetapkan sehingga Mahkamah Dunia memberi

keputusannya yang dapat mengubah status quo ini. Bermakna Singapura memiliki haknya, mengawal dan mempunyai kedaulatan terhadap Pedra Branca untuk lebih daripada 150 tahun dan ini tidak berubah. Jadi, selaras dengan

status quo ini, sesiapa yang ingin melawat atau memasuki perairannya... jika mereka membuat permohonan selagi status quo ini diiktiraf... kita akan pertimbangkannya.

SYED HAMID: Saya rasa, apa yang kedua-dua pihak sudah setuju ialah persoalan mengenai kedaulatan (pulau-pulau terbabit) diserahkan kepada Mahkamah Dunia untuk membuat pengesahan. Bagi Malaysia, kita sentiasa berpegang bahawa Pulau Batu Putih adalah sebahagian daripada Kesultanan Johor dan sebahagian daripada Malaysia. Justeru, situasi ini menyebabkan kita melaksanakan hak kita terhadap kawasan perairan dan ruang udara Pulau

Batu Putih dan saya rasa, perkara inilah yang perlu diselaras serta dibincangkan kedua-dua pihak bagi memastikan kejadian tidak diinginkan tidak

berulang. Adalah penting selepas kita bersetuju untuk menyelesaikan isu ini melalui cara yang aman, melalui kerjasama baik antara kedua-dua pihak.

Jadi, status quo yang dikatakan Jayakumar adalah status quo dari perspektif Singapura kerana mereka mendakwa kedaulatan bagi pulau berkenaan. Bagi status quo Malaysia, kita menganggap ia adalah sebahagian

dari hak kedaulatan negara. Kerana itulah mengapa kita menyerahkan perkara

ini kepada Mahkamah Dunia.

JAYAKUMAR: Saya setuju dengan Syed Hamid kerana kita perlu menanganinya dengan cara baik, tetapi sebagaimana yang saya bantah di Parlimen Singapura yang tidak dilaporkan media di sini, saya memberi analoginya. Bayangkan buat seketika, kawasan rumah anda, yang anda sudah tinggal sepanjang hayat, ibu bapa serta nenek moyang kita tinggal... kemudian jiran anda kata yang kawasan rumah itu adalah miliknya. Anda akan kata tidak, dan dia akan kata ya. Dia akan kata yang dia nak bawa kepada pihak

mahkamah, anda tidak mahu bergaduh dan anda akan menerimanya. Ini cara kita menyelesaikan pertikaian tetapi keesokan harinya, anda dapati yang dia mahu masuk menyeberang pagar rumah anda kerana dia kata ada pertikaian

dan dia ada hak untuk masuk ke kawasan rumah anda. Anda pastinya akan kata

tidak. Biar mahkamah yang tentukannya dulu. Ini satu cara menggambarkannya.

SYED HAMID: Saya rasa kedua-dua pihak media di sini jelas yang ini bukannya satu perkara membabitkan kawasan rumah anda. Saya rasa analogi yang diberikan tidak bertepatan kerana sedaya upaya saya ingin menyambut baik keinginan Jayakumar untuk menangani masalah ini dengan baik tetapi persoalannya ialah mengenai sejarah yang terbabit. Ada kesultanan, ada rumah api yang diuruskan... bukan sesuatu yang luar biasa bagi orang lain

untuk menguruskan rumah api. Ia sudah berada di situ dan ini tidak bermakna yang sebaik saja anda berada di situ (Pulau Batu Putih), itu adalah hak anda. Ini satu situasi yang berbeza. Jadi saya harap ia tidak akan semudah itu pertikaian ini. Ya saya akui yang ada pertikaian

mengenai

hak kedaulatan pulau terbabit. Saya datang dari kawasan di mana Pulau Batu

Putih menjadi sebahagian daripada warisan sejarah. Nelayan saya pergi ke sana dan mereka tidak pernah dihalang dan mereka mendapat banyak ikan di sana. Banyak ikan Garoupa dan macam-macam lagi. Tetapi tiba-tiba, perkara

ini akan dibawa kepada pihak mahkamah. Anda kata anda mengawal keselamatan

di kawasan berkenaan dan kita tidak boleh pergi ke sana. Jadi kerana itu saya mengatakan sebelum ini bahawa masalah ini akan diselesaikan di Mahkamah Dunia. Memang akan ada sensitiviti dan masalah emosi yang perlu kita tangani dengan baik. Tetapi dengan hanya mengatakan jangan datang rumah saya... adalah sukar. Ini bukan berkaitan kawasan rumah.

WARTAWAN (kepada Jayakumar): Kini kedua-dua negara bersetuju memeterai perjanjian ini, saya mahu pengakuan Tuan, adakah Singapura akan mengotakan

perjanjian kerana kita tidak mahu mendengar selepas ini seperti perjanjian

air, anda mempersoalkan hak Malaysia untuk mengkejinya. Saya ingin tahu sama ada Singapura akan menghormati perjanjian kedua-dua negara hari ini?

JAYAKUMAR: Singapura sentiasa menghormati komitmen antarabangnya dan itu

dinyatakan berhubung perjanjian air bahawa sebarang masalah interpretasi mengenai perjanjian air, jalan terbaik ialah mengikut peruntukan dalam perjanjian itu. Dan jika kita tidak dapat menyelesaikannya menerusi rundingan, kita guna pihak arbitrase ketiga sama ada Mahkamah Timbang Tara

dan jika ia tidak diterima Malaysia, kemudian arbitrase mengikut peruntukan dalam perjanjian yang mengikat kedua-dua negara. Pendirian kami

ini adalah cara melakukannya dan bukan tindakan bersendirian (unilateral)

seperti mewujudkan undang-undang tempatan bagi menjadikan perjanjian air tidak sah sedang perjanjian itu sudah termaktub bukan saja dalam perlembagaan Malaysia tetapi juga dalam Perjanjian Pemisahan. Perjanjian Pemisahan itu ada memberi beberapa jaminan yang perlu dipatuhi Malaysia dan Singapura. Itu pendirian Singapura berhubung perjanjian air dan ia konsisten. Kini selepas menandatangani perjanjian khas, ia menunjukkan Malaysia dan Singapura yang mahu merujuk ke Mahkamah Dunia, bersetuju diikat dengan sebarang keputusan Mahkamah Dunia. Malah, saya ingin mengingatkan mereka di sini Singapura yang mencadangkan perkara ini dibawa

ke Mahkamah Dunia pada 1989.

WARTAWAN: Adakah Malaysia akan terus meronda perairan Pulau Batu Putih?

SYED HAMID: Sebelum saya menjawab soalan anda, biar saya tegaskan Malaysia

belum menguatkuasa sebarang undang-undang bagi menidakkan penyaluran air ke Singapura. Kita menyalurkan air sejak 1927. Soal sama ada Malaysia melaksanakan tanggungjawabnya, saya rasakan tidak tepat walaupun kita tidak gembira dengan harga air tiga sen yang dianggap tidak berpatutan berdasarkan situasi semasa. Terdapat pertikaian dan saya bersetuju dengan

Jayakumar ada peruntukan dalam perjanjian bagi kami merujuk kepada proses undang-undang. Kita berhenti di situ.

(Menjawab soalan asal) Saya nyatakan bahawa kedua-dua pihak bersetuju merujuk perkara ini ke Mahkamah Dunia dan terikat dengan sebarang keputusan yang diputuskan mahkamah tanpa ada proses rayuan. Kami berpendirian Pulau Batu Putih sebahagian wilayah Malaysia dan justeru semua aktiviti akan berlandaskan apa yang kami anggap hak kedaulatan kami.

JAYAKUMAR: Saya ingin mengatakan sesuatu mengenai rondaan bersama. Pertikaian ini bermula pada 1979, kedua-dua pihak bersetuju mengenai itu dan antara 1979 dan 1994 persoalan mengenai rondaan bersama tidak timbul.

Dari 1994 hingga 1998 ia tidak timbul dan sejak 1998 sehingga kini, tiada

isu rondaan bersama. Saya tidak tahu kenapa ia menjadi isu sekarang. Biar

saya tambah bahawa status quo mesti dikekalkan. Mahkamah akan menentukan status quo. Sehingga mahkamah membuat keputusan, kedudukan Singapura mempunyai kawalan efektif, kedaulatan dan hak milik tidak berubah berhubung batu dan pulau itu. Ini adalah pendirian undang-undang antarabangsa dan ia mempunyai sebab kerana jika perkara sebaliknya berlaku, implikasi adalah kestabilan dan kesejahteraan. Jika ada pertikaian atau tuntutan, jika satu daripada pihak itu boleh memasuki kawasan berkenaan sama ada kapal terbang atau kapal, ia akan hanya menggalakkan sesebuah negara membuat tuntutan terhadap negara jiran. Untuk

tempoh dua atau tiga tahun, ia akan menyebabkan perluasan kawasan sementara. Ini bukan asas perundangan antarabangsa. Boleh anda bayangkan jika untuk sebab tertentu Singapura membuat tuntutan terhadap wilayah Malaysia, anda akan menyatakan ia adalah tidak masuk akal tetapi bayangkan

jika kami membuat tuntutan dan mengatakan kami mempunyai beberapa dokumen,

OK sekarang ada pertikaian. Adakah ia bermakna tentera udara dan laut Singapura boleh memasuki wilayah Malaysia baik laut dan udara. Saya rasa kerajaan akan mengatakan tidak dan kerajaan anda membuat keputusan yang betul.

SYED HAMID: Dalam kes Pulau Batu Putih, persoalannya bukan semudah seperti

dinyatakan Jayakumar. Saya tidak mahu memasuki perdebatan undang-undang, terutama kes ini yang selama ini dianggap sebahagian wilayah negara.

Jadi

ia bukan persoalan mengenai seseorang membuat tuntutan selepas beberapa ketika bahawa ini adalah wilayah saya, dan anda ingin masuk. Saya rasa ada

keikhlasan dan kerjasama yang perlu dilaksanakan dalam kes ini dan saya berpendirian Malaysia ada persoalan Singapura yang mentadbir rumah api di

tempat lain dan Singapura mengenal pasti beberapa rumah api... wilayah rumah api itu tidak dipunyai mereka.

Semua ini adalah perbalahan yang mana Malaysia sejak dulu mengatakan bahawa ia hanya pentadbiran rumah api dan kerana itu ia dipertanggungjawabkan kepada Singapura kerana Singapura sebahagian

wilayah

yang ditadbir penjajah sama. Selepas kemerdekaan, kami tidak membawa isu itu kerana ia bukan sesuatu yang aneh untuk Singapura mentadbir rumah api seperti di Pulau Pisang kami.

Kami tidak akan merujuk perkara ini ke Mahkamah Dunia jika kami tidak benar-benar berasa ada perdebatan undang-undang dan mengikut undang-undang

antarabangsa ia berhak untuk dilihat sebagai sebahagian kedaulatan wilayah

kami. Jadi saya berpendirian ini adalah penting. Hari ini kita memutuskan

untuk merujuk perkara ini ke Mahkamah Dunia dan ini langkah yang baik untuk kedua-dua negara dan mari kita lihat bagaimana untuk membina perkara

sama dalam dimensi dan aspek lain. Biar ia diputuskan Mahkamah Dunia dan jika perlu untuk kita, seperti dilakukan sebelum ini yang bukan berniat sebagai tindakan agresif atau fizikal. Ia adalah tindakan bagi menunjukkan

kepentingan kedaulatan satu wilayah yang kami terima sebagai sebahagian Malaysia. Jika saya tidak melihat rumah saya, (ia) tidak memberikan hak kepada orang yang tinggal di situ hak keseluruhan terhadap rumah itu.

Fakta bahawa saya tidak melawat rumah saya tidak memberikan mereka yang

tinggal di situ yang disuruh menjaga satu harta tanah, hak untuk mendakwa

bahawa sejak ditinggalkan sekian lama... jadi ia milik saya. Biar ia ditentukan Mahkamah Dunia kerana saya boleh terbabit dalam perdebatan yang

panjang dengan Jayakumar. Untuk setiap hujah yang dinyatakan, saya mempunyai hujah balasan dan itu yang saya dapat katakan.

Tetapi ini bukan forum untuk itu. Saya rasa kita sampai di sini dalam semangat kejiranan dalam mencari penyelesaian, kita cuba berunding dan berbincang... saya fikir sejak 1980 selepas Singapura menghantar protes apabila Pulau Batu Putih dimasukkan dalam peta lama yang menunjukkan Pulau

Batu Putih dalam peta kami. Semua perkara bergantung kepada apa yang mahu

dinyatakan... ini hak kami. Pihak satu lagi berkata tidak. Jadi tidak perlu menuju peringkat itu. Saya mahu perkara ini diselesaikan dengan semangat muhibah dan kerjasama dan diputuskan Mahkamah Dunia. Saya rasa kita biar sehingga di sini saja.